

Dasar Navigator Privasi Branch

Gambaran Keseluruhan

Kami menghargai privasi dan adalah komited untuk menyediakan perkhidmatan kami dengan kaedah yang mengutamakan privasi, termasuk dengan amalan pengurangan penggunaan data, mengehadkan maklumat yang kami dedahkan, dan melaksanakan langkah-langkah untuk melindungi data kami. Pada tahap yang tinggi, Perkhidmatan Navigator Branch kami membantu Pengguna kepada Pelanggan kami untuk menavigasi peranti mudah alih dengan cadangan yang lebih relevan dan keupayaan carian yang lebih baik. Untuk menyediakan perkhidmatan ini, kami mengumpul data tahap peranti tertentu (contohnya, pengecam iklan, alamat IP) dan data pertanyaan (contohnya, "t" , "tw") daripada para Pengguna. Kami menggunakan maklumat ini untuk menyediakan dan meningkatkan Perkhidmatan Navigator, serta untuk menyediakan produk dan perkhidmatan Branch yang lain, dan secara umumnya, untuk melayan atau berkomunikasi dengan Pelanggan kami. Kami juga mungkin memadamkan maklumat pengenalan atau mengumpulkan data yang kami kumpul melalui Perkhidmatan Navigator dan menggunakannya untuk apa-apa tujuan. Kami mendedahkan maklumat kepada penyedia perkhidmatan dan Pelanggan kami dan juga untuk mematuhi undang-undang, untuk melindungi diri kami dan orang lain, atau sebagai sebahagian daripada transaksi perniagaan. Pengguna boleh menarik diri daripada pengumpulan data tertentu dengan mengikuti arahan dalam

bahagian Pilihan Pengguna di bawah. Oleh kerana kami menyediakan teknologi yang membekalkan Perkhidmatan Navigator kepada Pelanggan kami, mereka mungkin menggunakan nama yang berbeza untuk menerangkan penggunaan Perkhidmatan Navigator Branch mereka (contohnya, “Penjejak” atau “Pencari”). Pengguna harus menyemak dasar privasi peranti mudah alih dan aplikasi mudah alih yang mereka gunakan, yang mungkin memberi Anda pilihan atau hak tambahan berkenaan cara Pelanggan kami menggunakan data Anda.

Pengenalan

Branch Metrics, Inc. (“Branch” atau “kami”) menawarkan perkhidmatan Navigator (“Perkhidmatan Navigator”), yang membolehkan pembangun aplikasi mudah alih dan ciri peranti menggunakan Perkhidmatan Navigator (“Pelanggan” kami) untuk memberikan hasil kontekstual dan pautan berdasarkan tujuan dalam aplikasi mereka, yang memberi pengguna akhir mereka (“Pengguna”) akses ringkas untuk melengkapkan tindakan tertentu (contohnya, untuk menavigasi dengan cepat ke halaman yang terperinci di dalam aplikasi tertentu). Branch menyedari dan mempercayai bahawa privasi data adalah penting bagi semua pengguna Internet, dan oleh itu, kami merancang dan mengendalikan perkhidmatan kami dengan cara yang mengutamakan privasi.

Dasar Privasi Navigator Branch ini (“Dasar Privasi Navigator”) menjelaskan apa maklumat yang digunakan oleh Branch adalah untuk menyediakan Perkhidmatan Navigator, dan bagaimana maklumat dikongsi dan dilindungi berdasarkan data yang diperolehi oleh Branch melalui Perkhidmatan Navigator.

Sila ambil maklum bahawa Dasar Privasi Navigator ini hanya terpakai untuk Perkhidmatan Navigator. Branch juga turut menawarkan laman web dan perkhidmatan-perkhidmatan lain, di mana beberapa di antaranya mungkin dapat diakses oleh Pengguna iaitu, melalui penggunaan Perkhidmatan Navigator mereka, mengklik pada pautan Branch atau berinteraksi dengan aplikasi atau laman web pelanggan Branch. Untuk dasar privasi yang berkenaan dengan laman web Branch dan perkhidmatan-perkhidmatan Branch yang lain, termasuk perkhidmatan-perkhidmatan yang boleh diakses oleh Pengguna melalui Perkhidmatan Navigator, sila semak dasar privasi Branch yang tersedia di sini. Perkhidmatan Navigator, dan perkhidmatan-perkhidmatan Branch yang dijelaskan dalam dasar privasi Branch, secara kolektif dikenali sebagai “Platform Branch”.

Apakah Perkhidmatan Navigator?

Branch menyediakan teknologi agar Pelanggan boleh memberikan Pengguna mereka hasil kandungan sebagai jawapan kepada pertanyaan. Kami melakukannya melalui dua cara utama. Pertama, Branch memanfaatkan data daripada Pengguna melalui Perkhidmatan Navigator dan melalui perkhidmatan-perkhidmatan Branch lain untuk meningkatkan dan menyesuaikan hasil sebagai jawapan kepada pertanyaan. Kedua, Branch menyediakan Pelanggan dengan teknologi pautan dalam mudah alih untuk mengembalikan pautan dalam kepada pertanyaan. “Pautan dalam” bermaksud menyediakan pautan kepada bahagian kandungan tertentu, yang umumnya boleh dicari atau diindeks, di dalam aplikasi atau laman web (contohnya, “<https://branch.io/security/>”), berbeza dari halaman arahan aplikasi atau laman utama laman web (contohnya, “<https://branch.io>”). Oleh itu, Pautan dalam membolehkan Pengguna dihalakan kepada kandungan tertentu dalam sesuatu aplikasi. Branch secara umum tidak mempunyai

hubungan langsung dengan Pengguna. Apabila Pelanggan memasang teknologi Branch pada aplikasi mereka (melalui antara muka pengaturcaraan aplikasi dan/atau kit pembangunan perisian), teknologi ini membolehkan Pelanggan menjawab pertanyaan Pengguna dengan hasil kontekstual dan pautan dalam yang berdasarkan tujuan, yang seterusnya membantu Pengguna dengan memberikan mereka hasil dan pautan dalam untuk memudahkan akses untuk melengkapkan sesuatu tindakan (contohnya, untuk mengenal pasti restoran berdekatan, memesan makanan untuk penghantaran, perjalanan ke suatu lokasi, atau mencari kenalan pada peranti mereka).

Apakah Maklumat yang Dikumpul oleh Branch dari Perkhidmatan Navigator?

Data Pengguna

Di bawah, kami menerangkan jenis maklumat yang kami kumpul daripada Pengguna melalui Perkhidmatan Navigator. Kami memproses maklumat dengan cara yang relevan untuk tujuan pengumpulannya seperti yang dijelaskan di bawah.

Kami memerlukan setiap Pelanggan komited untuk berkongsi dengan Branch hanya maklumat yang diperoleh secara sah dan yang berhak untuk dikongsi dengan Branch. Kami sangat tidak menggalakkan Pelanggan untuk berkongsi maklumat sensitif Pengguna dengan kami, kerana maklumat tersebut tidak diperlukan untuk penyediaan Perkhidmatan Navigator.

Kit pembangunan perisian (“SDK”) dan antara muka pengaturcaraan aplikasi (“API”) merangkumi kod yang membolehkan Pelanggan mengintegrasikan dan menggunakan Perkhidmatan Navigator. SDKs dan APIs Perkhidmatan Navigator Branch mengumpulkan maklumat berikut apabila Pelanggan menggunakan SDKs dan/atau APIs dalam aplikasi mudah alih mereka, di mana sesetengah daripadanya dianggap sebagai data peribadi berdasarkan undang-undang yang berkenaan (dengan kata lain, maklumat yang dengan sendirinya dapat mengenal pasti individu yang unik atau boleh dihubungkan kembali dengan seseorang individu). Carta di bawah meringkaskan maklumat yang dikumpul secara automatik oleh Perkhidmatan Navigator dan tujuan apa maklumat dikumpul.

Maklumat yang Dikumpul	Tujuan
Pengecam Iklan (contohnya, ID Google Ad atau IDFA)	Digunakan untuk pengenaltastian peranti dan memberikan hasil dan iklan yang diperibadikan.
Alamat IP	Digunakan untuk memahami lokasi umum dan juga untuk tujuan statistik
Kod Negara	Ini adalah kod negara ISO yang setara dengan kod negara penyedia SIM, dan digunakan untuk memahami lokasi di peringkat negara.
Lokasi Peranti (negara, bahasa)	Digunakan untuk menyesuaikan hasil dan iklan mengikut tetapan negara dan bahasa peranti.

Maklumat yang Dikumpul	Tujuan
Pertanyaan	Sebarang pertanyaan yang dikemukakan oleh Pengguna untuk tujuan menjawab pertanyaan Pengguna. Pertanyaan mungkin merangkumi maklumat yang mengenal pasti seseorang (contohnya, jika Pengguna mencari rakan "John Smith" atau berita mengenai selebriti tertentu) serta maklumat yang tidak mengenal pasti sesiapa (contohnya, "piza berdekatan" atau "pelapik telefon"). Pertanyaan mungkin berasaskan Internet atau berasaskan peranti (contohnya, untuk mencari kenalan atau aplikasi pada telefon Pengguna). Untuk pertanyaan berasaskan Internet, kami mengumpul maklumat yang dinyatakan dalam jadual ini. Untuk pertanyaan berasaskan peranti, SDK kami akan mengumpulkan dan menyimpan maklumat secara setempat pada peranti Pengguna (contohnya, kenalan Pengguna atau aplikasi yang tersimpan dalam peranti Pengguna), tetapi Branch tidak menerima data ini.
Model Peranti	Digunakan untuk memberikan hasil dan iklan yang relevan, dan untuk pelaporan.
Pembuat Peranti	Digunakan untuk memberikan hasil dan iklan yang relevan, dan untuk pelaporan.
Sistem Operasi	Digunakan untuk memberikan hasil dan iklan yang relevan, dan untuk pelaporan.
Versi Sistem Operasi	Digunakan untuk memberikan hasil dan iklan yang relevan, dan untuk pelaporan.

Maklumat yang Dikumpul	Tujuan
Status Rangkaian Mudah Alih (Pembekal)	Digunakan untuk memberikan hasil dan iklan yang relevan, dan untuk pelaporan.
Resolusi Skrin	Digunakan untuk memberikan hasil dan iklan yang relevan, dan untuk pelaporan.
Saiz Skrin	Digunakan untuk memberikan hasil dan iklan yang relevan, dan untuk pelaporan.
Data Perisian Perkhidmatan Navigator	Maklumat mengenai perisian Perkhidmatan Navigator yang beroperasi pada telefon anda, termasuk versi, nama pakej, dan maklumat Pelanggan (bukan Pengguna) yang berkaitan dengan pemasangan perisian.
Data Keterlibatan	Maklumat yang berkaitan dengan interaksi pengguna (contohnya, "impression", "clicks") dengan Perkhidmatan Navigator, termasuklah hasil pertanyaan, iklan, dan/atau aplikasi; yang digunakan untuk meningkatkan Perkhidmatan Navigator dan untuk tujuan pelaporan.

Dalam kes tertentu, Pelanggan telah mengkonfigurasi Perkhidmatan Navigator untuk beroperasi pada peranti tanpa mengirim pengecam iklan atau pertanyaan kepada pelayan Branch. Dalam kes sedemikian,

- Perkhidmatan Navigator akan menganalisis maklumat yang disimpan pada peranti mudah alih anda untuk menyampaikan hasil dan iklan. Analisis sedemikian akan dilakukan dalam peranti anda, dan Branch tidak mengumpul data tersebut untuk melakukan analisis.

- Branch juga pada masa tertentu boleh membaca alamat IP bagi tujuan statistik serta menyegerakkan data secara tanpa nama dari pelayannya untuk meningkatkan jawapan hasil pertanyaan melalui peranti dan menambah baik pengiklanan.

Sebagai tambahan kepada maklumat yang kami kumpulkan yang telah dikenal pasti di atas, Perkhidmatan Navigator sebaliknya mungkin menganalisis maklumat yang disimpan di dalam peranti mudah alih anda atau yang boleh diakses melalui perkhidmatan peranti mudah alih anda untuk memberikan hasil yang lebih relevan kepada dan iklan kandungan aplikasi mudah alih sebagai jawapan kepada pertanyaan carian. Analisis maklumat tersebut akan dilakukan di dalam peranti anda, dan Branch tidak mengumpul data tersebut untuk melakukan analisis ini.

Data Pelanggan & Data Hantar Kembali

Pelanggan mungkin memberikan maklumat kepada kami untuk membantu mengarahkan iklan dengan lebih baik kepada pengguna yang mereka inginkan yang disampaikan melalui Perkhidmatan Navigator (“Data Pelanggan”). Branch memproses Data Pelanggan sebagai penyedia perkhidmatan bagi pihak pelanggannya untuk Perkhidmatan Navigator dan tidak akan menggunakan Data Pelanggan ini untuk tujuan lain.

Dalam sesetengah kes, Branch membenarkan Pelanggan yang tidak menggunakan Perkhidmatan Branch lain, seperti peralatan atribusi, untuk menggunakan Perkhidmatan Navigator bagi menyampaikan pengiklanan yang berkaitan dengan pertanyaan Pengguna. Apabila perkara ini terjadi, kami mungkin menerima data daripada penyedia perkhidmatan pihak ketiga

Pelanggan tersebut, atas arahan Pelanggan, mengenai cara pengguna akhir Pelanggan berinteraksi atau terlibat dengan pengiklanan Pelanggan (“Data Hantar Kembali”).

Branch memproses semua Data Hantar Kembali yang diterima sebagai pemproses bagi setiap Pelanggan yang menyediakannya dan Branch hanya menggunakan Data Hantar Kembali tersebut untuk menyediakan Perkhidmatan Navigator kepada Pelanggan. Branch tidak mengawal tujuan atau cara pemprosesan Data Hantar Kembali oleh Pelanggan dan tidak bertanggungjawab atas pengumpulan, penggunaan atau pendedahan Data Hantar Kembali oleh Pelanggan.

Bagaimana Branch Menggunakan Maklumat yang Dikumpulkan oleh Perkhidmatan Navigator, dan Apakah Maklumat yang Digunakan oleh Branch untuk Menyediakan Perkhidmatan Navigator?

Data yang dikumpul oleh Branch melalui Perkhidmatan Navigator diproses:

- untuk menyediakan, menyelenggarakan, mengoptimumkan, menyelidik, dan meningkatkan Perkhidmatan Navigator, termasuk mengembangkan hasil untuk pertanyaan Pengguna dan meningkatkan perkaitan dan/atau kegunaan hasil.

- untuk lebih memahami bagaimana dan dari mana Pengguna mengklik pautan dalam tertentu dan jenis pautan yang popular.
- untuk memaparkan iklan yang berkaitan dengan pertanyaan Pengguna.
- untuk memenuhi permintaan Pelanggan dan bakal Pelanggan untuk Perkhidmatan Navigator, termasuk memproses data atas arahan Pelanggan dan memindahkan data Pengguna kepada mereka. Branch tidak mengawal bagaimana Pelanggan menggunakan maklumat yang dikongsi oleh Branch dengan Pelanggan, dan Pengguna harus membaca dasar privasi Pelanggan untuk memahami bagaimana Pelanggan menggunakan maklumat yang diterima daripada Branch.
- untuk digunakan bagi tujuan dalaman perniagaan dan Pelanggan, termasuk untuk menyokong kedua-dua Perkhidmatan Navigator, dan produk dan perkhidmatan Branch yang lain, membangunkan produk dan perkhidmatan baharu, memasarkan produk atau perkhidmatan, menyokong produk dan perkhidmatan Pelanggan kami, dan sebagaimana yang dibenarkan atau diperlukan oleh undang-undang yang berkenaan.
- untuk menghasilkan laporan berdasarkan maklumat teragregat, iaitu maklumat yang tidak dapat dihubungkan kembali kepada mana-mana individu atau Pelanggan, dan berkongsi laporan sedemikian dengan orang ramai.

Kami mungkin mengumpulkan dan/atau memadamkan maklumat pengenalan dalam data yang kami kumpul. Setelah data dikumpulkan dan/atau dipadamkan maklumat pengenalan, Branch tidak menggunakannya untuk mengenal pasti individu secara peribadi. Kami mungkin menggunakan data yang telah dipadamkan dan/atau digabungkan untuk sebarang tujuan, termasuk tanpa batasan, untuk penyelidikan dan pemasaran, dan mungkin berkongsi data tersebut dengan pihak ketiga, termasuk rakan-rakan niaga,

Pelanggan, dan/atau lain-lain.

Jika dibenarkan oleh undang-undang dan perjanjian kami dengan pelanggan, dan dengan persetujuan anda (setakat mana yang dikehendaki oleh undang-undang), Branch juga mungkin menggunakan data yang dikumpulkan melalui perkhidmatan-perkhidmatan Branch yang lain untuk meningkatkan dan menyesuaikan hasil pertanyaan Pengguna. Sila lihat dasar privasi Branch untuk memahami amalan privasi kami untuk perkhidmatan Branch tersebut.

Penggunaan Maklumat Pelanggan Kami

Kami memerlukan Pelanggan kami menggunakan Perkhidmatan Navigator secara bertanggungjawab dan selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat tertentu. Branch tidak bertanggungjawab terhadap amalan data mana-mana Pelanggan kami melalui Perkhidmatan Navigator atau sebaliknya. Amalan setiap Pelanggan adalah tertakluk pada dasar privasi setiap Pelanggan. Pengguna harus menyemak dasar privasi setiap Pelanggan untuk memahami bagaimana Pelanggan memperlakukan maklumat Pengguna yang dikumpul melalui Perkhidmatan Navigator.

Pilihan Pengguna

Jika boleh dan dibenarkan, anda mungkin dapat mengubahsuai data apa yang akan dihantar kepada Branch dengan (1) memadamkan aplikasi pelanggan di dalam Perkhidmatan Navigator, (2) mengubahsuai pengaturan di dalam aplikasi Pelanggan, atau (3) mengatur semula, atau memasang semula aplikasi Pelanggan atau perisian peranti pelanggan.

Jangan Jejak

Perkhidmatan Navigator direka bentuk untuk aplikasi mudah alih, dan oleh itu, tidak bertindak balas terhadap isyarat “jangan jejak” bagi pelayar web.

Bagaimanakah Branch Berkongsi Maklumat?

Selain cara-cara yang dijelaskan di atas, Branch juga mungkin berkongsi maklumat dengan orang lain dalam keadaan berikut:

- Dengan vendor pihak ketiga, perunding dan penyedia perkhidmatan lain yang bekerja untuk kami dan memerlukan akses kepada maklumat yang kami kumpulkan untuk melakukan kerja tersebut, termasuk untuk penyimpanan awan, analisis data, dan penjejakan projek. Pihak ketiga ini dilarang menggunakan maklumat tersebut untuk tujuan selain daripada melakukan perkhidmatan untuk kami atau untuk mematuhi syarat undang-undang yang berkenaan.
- Dengan Pelanggan kami dan ejen mereka, seperti yang dijelaskan dalam Dasar Privasi Navigator ini.
- Dengan pelanggan-pelanggan perkhidmatan-perkhidmatan Branch yang lain, termasuk vendor atau ejen mereka, jika diminta oleh pelanggan, untuk tujuan atribusi.
- Untuk mematuhi undang-undang atau untuk menjawab permintaan yang sah dan proses undang-undang dan untuk menyiasat, mencegah, atau mengambil tindakan mengenai aktiviti yang disyaki, atau aktiviti sebenar

yang dilarang, termasuk tetapi tidak terbatas kepada penipuan dan situasi yang melibatkan ancaman potensi terhadap keselamatan fizikal seseorang.

- Untuk melindungi hak-hak dan harta Branch, ejen, Pelanggan, Pengguna kami, dan lain-lain termasuk untuk menguatkuasakan perjanjian, dasar, dan mana-mana terma-terma dan syarat-syarat yang berkenaan.
- Berhubung dengan atau semasa perundingan apa-apa penggabungan, penjualan aset syarikat, pembiayaan, atau pemerolehan semua atau sebahagian daripada perniagaan kami kepada syarikat lain.

Bagaimana Kami Melindungi Maklumat yang Kami Kumpul

Melindungi maklumat yang diberikan oleh Pelanggan kami dan dikumpul melalui Perkhidmatan Navigator adalah penting bagi kami. Branch telah melaksanakan langkah-langkah perlindungan teknikal, pentadbiran, dan fizikal mengikut piawaian industri untuk membantu melindungi maklumat pada pelayan kami daripada akses, perubahan, pendedahan atau pemusnahan yang tidak dibenarkan. Anda bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan peranti dan akaun dalam talian Anda, seperti tidak berkongsi kata laluan untuk peranti Anda.

Pautan kepada Perkhidmatan Lain

Pautan Perkhidmatan Navigator kepada laman web dan aplikasi lain. Domain-domain lain ini tidak dikawal oleh Branch, dan kami tidak menyokong atau membuat sebarang representasi mengenai laman web, aplikasi, atau platform media sosial pihak ketiga. Kami menggalakkan Anda untuk membaca dasar

privasi setiap laman web dan aplikasi yang Anda gunakan. Kami tidak menyokong, menyaring, atau meluluskan, dan tidak bertanggungjawab kepada amalan privasi atau kandungan laman web atau aplikasi lain. Melayari laman web atau aplikasi lain adalah atas risiko Anda sendiri.

Dasar Pengekalan Data Kami

Data peribadi yang dikumpul melalui Perkhidmatan Navigator adalah disimpan dalam bentuk yang dapat dikenal pasti tidak lebih daripada 7 hari, dan selepas itu, data tersebut dipadam atau disimpan dengan nama samaran. Sebarang dan semua log-log nama samaran akan dipadam selepas 12 bulan, kecuali jika diperlukan oleh undang-undang yang berkenaan atau dipersetujui antara Branch dan Pelanggan.

Branch mungkin menyimpan maklumat yang dikumpul oleh Perkhidmatan Navigator di luar jangka masa ini untuk pencegahan, analisis, atau tindak balas terhadap penipuan, atau untuk melindungi keselamatan Branch, Pelanggan, Pengguna atau orang ramai.

Dasar Kami Berkenaan Kanak-kanak

Perkhidmatan Navigator tidak ditujukan kepada kanak-kanak. Kami memerlukan Pelanggan bersetuju untuk tidak secara sengaja menghantar kepada kami data yang berkaitan dengan mana-mana kanak-kanak di bawah usia 13 tahun (atau, dalam bidang kuasa tertentu, di bawah 16 tahun). Jika Anda percaya bahawa kami mungkin mempunyai sebarang maklumat daripada atau tentang kanak-kanak di bawah 13 tahun (dan dalam bidang

kuasa tertentu, di bawah 16 tahun) yang melanggar dasar ini, sila hubungi kami di discoveryprivacy@branch.io, agar Branch boleh melakukan penyiasatan segera dan memadamkan mana-mana maklumat yang diperoleh secara tidak sesuai.

Hak Anda

Di bawah undang-undang yang berkenaan, Anda berhak untuk mengakses, membetulkan, memadam dan menyekat pemprosesan data peribadi Anda. Anda juga berhak untuk membantah pemprosesan data Anda oleh Branch, semuanya bersesuaian dengan undang-undang yang berkenaan. Oleh kerana Branch tidak dapat mengaitkan data peribadi yang dikumpul melalui Perkhidmatan Navigator dengan individu tertentu, Branch tidak mungkin dapat mengesahkan identiti mana-mana subjek data tertentu. Untuk mematuhi syarat keselamatan undang-undang tertentu yang berkenaan, dalam keadaan sedemikian kami mungkin menolak untuk memproses permintaan subjek data dan akan memaklumkan Anda dengan sewajarnya. Namun demikian, Branch menyediakan mekanisme untuk membuat bantahan terhadap jenis pemprosesan data peribadi Anda yang tertentu seperti yang dinyatakan dalam bahagian Pilihan Pengguna di atas.

Anda berhak membuat aduan mengenai aktiviti pemprosesan data kami dengan mengajukan aduan kepada Pegawai Perlindungan Data kami yang dapat dihubungi melalui bahagian “Hubungi Kami” di bawah, atau dengan pihak berkuasa penyelia.

Akta Privasi Pengguna California



Akta Privasi Pengguna California 2018 (“CCPA”) memberikan hak tertentu kepada orang sebenar yang merupakan penduduk California. Notis privasi CCPA kami tersedia di sini.

Hubungi Kami, Soalan, Perubahan pada Dasar Privasi Navigator Ini

Kami mungkin menukar Dasar Privasi Navigator ini pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak kami. Kami akan memaparkan semua perubahan pada Dasar ini di halaman ini dan akan menunjukkan tarikh penguatkuasaan Dasar yang diubah pada bahagian atas halaman. Jika anda mempunyai sebarang soalan atau cadangan berkenaan Dasar ini, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data kami di:

Branch Metrics, Inc.

195 Page Mill Rd, Suite 101

Palo Alto, CA 94406

atau melalui e-mel di discoveryprivacy@branch.io